

21 JUN 1996

PNB SIAP SEDIA LANCARKAN ASW 2020 OGOS INI

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Pengurus skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), iaitu Permodalan Nasional Bhd (PNB), sedang bersiap sedia untuk melancarkan skim tersebut pada Ogos ini, kata ketua eksekutif kumpulannya, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

Skim amanah saham yang pertama disokong kerajaan untuk keperluan segenap lapisan rakyat majmuk Malaysia akan mempunyai dana bernilai RM3 bilion.

"Kami sedang menyediakan surat ikatan jaminan, prospektus dan portfolio dana berkenaan," Mohd Hilmey berkata hari ini.

Beliau menjelaskan PNB mengambil daya usaha untuk menyediakan skim itu, terutamanya portfolionya, sejak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan ASW 2020 tahun lepas.

"Portfolio, yang merupakan bahagian yang penting dalam skim itu, bagaimanapun, belum lagi siap tetapi ia berbeza dengan ASN dan ASB," katanya kepada Bernama selepas menghadiri sesi Dialog Tahunan Suruhanjaya Sekuriti bersama pengurus aset dan PNB.

PNB, pemimpin dalam industri amanah saham, buat masa ini menguruskan ASN (Amanah Saham Nasional) dan ASB (Amanah Saham Bumiputera).

Kedua-dua skim tersebut, bagaimanapun, adalah khusus untuk masyarakat Bumiputera manakala ASW 2020 akan mempunyai kandungan 51 peratus Bumiputera dan 49 peratus bukan Bumiputera.

Bagi individu, pelaburan dalam ASW 2020 memerlukan minimum 100 unit dan maksimum 50,000 unit manakala pelabur institusi, pelaburan minimumnya ialah 5,000 unit dan maksimum 500,000 unit pada RM1 satu unit.

Mohd Hilmey menyifatkan pemilihan PNB untuk mengurus dana ASW 2020 sebagai kena pada tempatnya kerana skim itu akan berkongsi "prasarana yang sudahpun sedia ada di PNB."

ASW 2020 yang disasarkan pada kumpulan yang berusia antara 12 tahun dan 30 tahun, dihadkan kepada empat kali pelupusannya dalam setahun.

"Tujuan utama mempunyai ciri seumpamanya ialah menentukan yang dana itu sebagai pelaburan jangka panjang. Oleh itu, para pelabur akan mempunyai perancangan yang teliti memandangkan pelupusan itu terhad kepada empat kali setahun, sungguhpun tempohnya tidak ditetapkan.

"Kita tidak mahu melihat penjualan unit seperti di ASB, di mana ada sesetengah pelabur menyimpan wangnya pada sebelah pagi dan mengeluarkannya pada sebelah petang," kata Mohd Hilmey.

Beliau juga berkata kemasukan ASW 2020 ke dalam pengurusan dana PNB tidak akan menimbulkan ancaman kepada pengurus dana ASN dan ASB tetapi sebaliknya menyediakan persaingan yang sihat di kalangan mereka.

"Mereka mempunyai portfolio yang berlainan dan pengurus yang berbeza...jadi eloklah mereka bersaing untuk kebaikan pemegang unit," tambah Mohd Hilmey. -- BERNAMA

AD MA/sia